

JABATAN KORPORAT

TARIKH:06.09.2024 MASA:4.32 PM

**MUKTAMAD**



## **MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### **TEKS UCAPAN**

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN  
ABDUL HAMID  
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

### **SEMPENA**

**PROGRAM GOTONG-ROYONG MEGA 2024**

### **TARIKH / MASA / TEMPAT**

**07 SEPTEMBER 2024 (SABTU)  
8.30 PAGI**

**PADANG LORONG TEMBIKAI 3  
TAMAN SRI RAMBAI FASA 1  
BUKIT MERTAJAM**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

**Yang Dihormati En. Cheen Gooi Hooi (Bernard)**

Whip Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian**

---

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Marilah sama-sama kita merafakkan rasa syukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah perkenannya kita dapat berkumpul dalam **Majlis Perasmian Program Gotong-Royong Mega 2024 di Daerah Seberang Perai Tengah di Taman Sri Rambai, Bukit Mertajam.**
2. Ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis, Yang Berusaha Tuan Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan MBSP, warga kerja MBSP khususnya Wira Oren, pihak Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK), Rukun Tetangga, Persatuan Penduduk, pada penduduk setempat dan semua pihak yang terlibat atas komitmen yang tinggi dengan menghadiri Program Gotong-Royong Mega ini.

3. Dalam menawarkan perkhidmatan yang terbaik dan meningkatkan kualiti kehidupan rakyat Seberang Perai, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) akan terus memberi tumpuan kepada *Back To Basic and Getting The Basic Right*, di mana kita kembali melihat hakiki tanggungjawab sebuah Pihak berkuasa Tempatan.
4. Program Gotong-Royong Mega 2024 pada hari ini merupakan usahasama di antara syarikat-syarikat kontraktor pembersihan, penduduk setempat termasuk pihak MPKK, Rukun Tetangga, Persatuan Penduduk dan Wira Oren MBSP sendiri, dalam usaha melestarikan alam sekitar, mendidik masyarakat tentang kepentingan memelihara kebersihan persekitaran serta memberi kesedaran bahawa dengan program seumpama ini dapat mengeratkan hubungan dalam kalangan penduduk setempat.
5. Program Gotong-Royong Mega 2024 telah julung kalinya diadakan pada 30 Jun 2024 yang lalu di dua (2) kawasan serentak iaitu di Taman Puteri Gunung & Taman Seruling Emas, Seberang Perai Selatan. Program tersebut telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Tuan H'ng Mooi Lye, selaku Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa Negeri Pulau Pinang.
6. Program Gotong-Royong Mega ini adalah salah satu inisiatif strategik MBSP melalui Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dalam memantapkan pembersihan bandar khususnya di seluruh kawasan

Seberang Perai. Berdasarkan statistik kutipan sampah sepanjang Program Gotong-Royong Mega ini berlangsung, sebanyak 175.1 tan sampah telah berjaya dikutip hasil daripada usaha semua pihak termasuk penduduk sendiri.

7. Dengan adanya Program Gotong-Royong Mega ini, akan menjadikan kawasan penduduk setempat menjadi lebih bersih dan sekaligus dapat mendidik masyarakat untuk lebih cakna tentang rasa tanggungjawab dalam memelihara kawasan persekitaran.
8. Melihatkan kejayaan Program-Program Gotong-Royong Mega ini, MBSP akan terus menganjurkan program ini di 51 buah lokasi lagi di seluruh kawasan Seberang Perai sehingga penghujung tahun 2024, iaitu pada setiap hari Sabtu.
9. Program Gotong-Royong Mega ini bukan sekadar satu aktiviti, tetapi juga membuka ruang untuk memperbaiki dan memperkukuhkan komuniti secara keseluruhan, di samping dapat meningkatkan kualiti dan kebersihan persekitaran serta menambahbaik kemudahan infrastruktur di kawasan setempat.
10. Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada pihak urusetia dan semua pihak yang menjayakan program dan menjadikan kempen ini menjadi kenyataan.
11. Saya dengan lafaz ***Bismillahirrahmanirrahim***, merasmikan **Majlis**

---

### **Perasmian Program Gotong-Royong Mega 2024.**

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.***